



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 28 FEBRUARI 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MBB RAIH RM49.6 JUTA, SETEMPAT, HM -30	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
2.	MAJUKAN PROJEK CENDAWAN TINGGALAN BAPA, INSPIRASI, BH -68	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
3.	LANGGAR SYARAT LESEN, NEWS, SINAR HARIAN (UTARA) -24	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4. 5.	IT'S RICE PLANTING SEASON IN SEKINCHAN, METRO EDITION A, SIN CHEW DAILY -17 SEEDLINGS IN SEKINCHAN ARE DOING WELL, CENTRAL, CHINA PRESS -C4	BAHAGIAN INDUSTRI PADI DAN BERAS (IPB)
6.	PETANI, PENTERNAK, NELAYAN TUNGGU MENTERI KOTAKAN JANJI, DALAM NEGERI, UM -10	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
7.	PENGURUS PROJEK DIDAKWA BUAT TUNTUTAN PALSU LEBIH RM415,000, MAHKAMAH / JENAYAH, SH -10	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/2/2019	HARIAN METRO	SETEMPAT	30



MOHD Sallehuddin (dua kanan) melelong nanas selepas merasmikan Program MYBest Buy dan jualan terus dari ladang di Perkarangan Wisma Tani, semalam.

MBB raih RM49.6 juta

■ Program bantu rakyat bandar nikmati jualan terus dari ladang lebih murah

Samadi Ahmad
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mengumpul nilai jualan RM49.6 juta di bawah program My Best Buy (MBB) hingga akhir Januari lalu.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Mohd Sallehuddin berkata, nilai jualan tinggi itu susulan sambutan menggalakkan orang ramai sejak program MBB diperkenalkan pada 2014.

Katanya, FAMA memperkenalkan MBB 2.0 bagi membantu rakyat di kawasan bandar menangani kesan kenaikan kos sara hidup yang semakin meningkat dengan menawarkan harga istimewa berpatutan.

“Pada tahun ini iaitu dalam tempoh satu bulan, program MBB mencatat nilai jualan RM1.29 juta di 131 lokasi seluruh negara,” katanya kepada media selepas merasmikan

Program MyBest Buy (MBB) dan jualan Terus Dari Ladang di Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani (MOA) di sini, semalam.

Program MBB itu menawarkan 20 gerai jualan membabitkan penyertaan

petani ladang kontrak dan usahawan dengan harga berpatutan.

Lapan barangan yang dipasarkan termasuk sayur, ikan, ayam, daging, buah-buahan, barangan industri asas tani, dan makanan diproses.

Mohd Sallehuddin berkata, pada masa ini, ada 162 lokasi jualan MBB dan ditambah 33 lokasi menjadikan jumlahnya 195 menjelang hujung tahun ini.

“Program MBB yang diadakan minggu ini dijalankan secara serentak di seluruh negara bermula 25 Februari lalu hingga 3 Mac bagi memberi kesedaran kepada pengguna aktiviti dan dasar kerajaan untuk menikmati harga jualan lima peratus hingga 20 peratus lebih jimat daripada harga pasaran,” katanya.

FAKTA
Program MBB dapat sambutan sejak diperkenalkan pada 2014

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/2/2019	BERITA HARIAN	INSPIRASI	68

M3.00

Khamis, 28 Februari 2019

[FOTO MOHD RAFI MAMAT/BH]

→ INSPIRASI

Majukan projek cendawan tinggalan bapa

➔ Bekas tukang masak lepas kerjaya di UCPY ambil alih perniagaan

Oleh Mohd Rafi Mamat
cnews@nstp.com.my

► Pekan

Pesanan arwah ayah supaya meneruskan projek tanaman cendawan yang diusahakan lebih 20 tahun lalu, menjadi pendorong kuat kepada bekas tukang masak profesional, mengambil alih perniagaan berkenaan.

Shafawira Ramlee, 41, mengambil keputusan drastik meninggalkan tugas di Kolej Universiti Yayasan Pahang (UCYP) Kuantan akhir tahun dan kini memiliki lebih 100,000 beg atau bongkah cendawan jenis tiram kelabu.

Katanya, sebanyak 10 rumah cendawan pelbagai saiz digunakan terletak di tiga tempat iaitu di kawasan Pejabat Pertanian Permatang Pauh, Pusat Pertanian Tanah Putih dan Kampung Parit di sini.

Beliau berkata, sokongan kuat Pejabat Pertanian Pekan menambatkan lagi semangatnya untuk meneruskan projek tanaman cendawan yang diusahakan arwah ayahnya, Ramlee Awang sejak 20 tahun lalu.

"Sebagai anak sulung saya bertindak mengambil alih projek tanaman cendawan jenis tiram kelabu yang sememangnya sudah terkenal di daerah ini termasuk Kuantan dan Rompin.

"Setiap bulan saya memasarkan



Shafawira memetik cendawan tiram kelabu di kawasan Pejabat Pertanian Permatang Pauh, Pekan, semalam.

antara 300 hingga 1,300 kilogram (kg), bergantung kepada keadaan cuaca, pengeluaran bertambah tiga hingga lima kali ganda pada musim hujan," katanya, di sini, semalam.

Permintaan menggalakkan

Shafawira berkata, permintaan cendawan jenis tiram kelabu begitu menggalakkan, malah kini terdapat 10 pelanggan tetap yang membeli secara borong dengan harga RM12 sekilogram.

Katanya, dia menggunakan lima pekerja termasuk ibu tirinya, Sri Mariana Selamat, 44, untuk membantu melakukan kerja memungut cendawan setiap hari.

Beliau berkata, proses memungut cendawan matang dilakukan



Saya juga menyediakan khidmat nasihat dan tunjuk ajar kepada individu yang berminat menceburi aktiviti tanaman cendawan yang mampu memberi pendapatan menguntungkan"

Shafawira Ramlee,
Pengusaha cendawan

dua kali sehari iaitu di sebelah pagi dan petang, manakala pada musim hujan pengeluaran akan bertambah memaksa aktiviti mengutipnya dibuat sepanjang hari.

"Selain menjual cendawan segar, saya juga turut membekalkan bongkah cendawan dengan harga RM1.80 satu, bongkah yang dihasilkan daripada campuran habuk kayu getah, dedak kulit gandum, kapur dan air mampu bertahan serta mengeluarkan hasil selama empat bulan.

"Saya juga menyediakan khidmat nasihat dan tunjuk ajar kepada individu yang berminat menceburi aktiviti tanaman cendawan yang mampu memberi pendapatan menguntungkan," katanya.

Headline	Langgar syarat lesen		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	28 Feb 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	160,000
Page No	24	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	280 cm ²
Journalist	MOHD ISKANDAR OTHMAN	AdValue	RM 1,961
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,884



Langgar syarat lesen



Bot nelayan yang ditahan selepas didapati melanggar syarat lesen.

Bot nelayan tempatan ditahan Maritim Malaysia

MOHD ISKANDAR OTHMAN

GEORGETOWN

Sebuah bot nelayan tempatan kelas C ditahan pasukan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) selepas didapati melanggar syarat lesen.

Pengarah Maritim Negeri Pulau Pinang, Kapten Maritim Hamizan Harun berkata, bot itu ditahan pada jarak lebih kurang 12.5 batu nauti-

ka dari Barat Muka Head oleh kapal peronda milik Maritim Malaysia pada jam 2.41 petang kelmarin.

Menurutnya, pihaknya menahan seorang tekong lelaki warga Thailand berumur 30 tahun bersama tiga orang awak-awak warga Thailand semuanya lelaki berumur antara 30 hingga 51 tahun.

"Turut dirampas, dua pukuk tunda gulung, hasil tangkapan ikan bercampur anggaran 60 kilogram (kg) dan ikan baja anggaran 1,500 kg. Kesemua mereka dan hasil rampasan dibawa ke Jeti Limbungan Batu Maung, Pulau Pinang untuk siasatan serta tindakan lanjut.

"Mereka ditahan di bawah Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 kerana melang-

gar syarat sah lesen iaitu menangkap ikan kurang 15 batu nautika dari pantai terdekat," katanya ketika dihubungi di sini.

Hamizan berkata, pihaknya memandang serius kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985 terutamanya kesalahan melibatkan aktiviti menangkap ikan di luar zon yang ditetapkan Jabatan Perikanan Malaysia.

Beliau turut mengingatkan agar Komuniti Maritim Pulau Pinang bekerjasama dengan Maritim Malaysia dalam menyalurkan maklumat berkaitan aktiviti menyalaui undang-undang terutamanya pencerobohan kawasan zon menangkap ikan oleh bot pukuk tunda yang sering menjadi rungutan nelayan pantai.

Headline	It`s rice planting season in Sekinchan		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	28 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Metro Edition A	Circulation	294,476
Page No	17	Readership	883,428
Language	Chinese	ArticleSize	206 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,478
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,434



黃瑞林：又是稻田插秧時刻

來適耕莊賞美景

（适耕庄27日讯）行动党适耕庄州议员黄瑞林表示，农业部已为各区稻田定下耕种时间表，其中适耕庄稻田已开始翻种和插秧，预计持续至3月第一个星期，得益于水供量充足，本季也较少稻农从河流“取水灌入稻田”，减少了稻田路段崩塌的风险。

成群白鷺飛越稻田美哉

“截至目前为止，适耕庄稻田的翻种程序非常顺利，我们也欢迎各地游客到访，毕竟除了插满嫩绿秧苗的稻田，或已成熟至金黄色的稻穗，稻田仍有其他漂亮的景色等待大家发掘。”

黄瑞林举例，翻种和插秧季节时，积满水的稻田也会吸引许多长脚白鹭觅食，有时成群的长脚白鹭飞过稻田，

景色同样很优美，或看着成排的娇小秧苗，每隔数天明显“长高”，也能感受到稻农耕种的乐趣。

“适耕庄稻田不分季节，都是游客到访的最佳时机，任何时候来都有不同的景色供观赏或拍照，游客也能藉着不同的耕种季节，实地了解稻田的耕作模式，我们也希望大家在参观的过程中，不要破坏稻农辛勤劳作的心血。”



完成翻土程序的适耕庄稻田，灌水后就开始插秧，成排的秧苗整齐划一，让人赏心悦目。

Headline	Seedlings in Sekinchan are doing well		
MediaTitle	China Press		
Date	28 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Central	Circulation	233,713
Page No	C4	Readership	1,076,000
Language	Chinese	ArticleSize	736 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 14,518
Frequency	Daily	PR Value	RM 43,554



■稻农的员工以人手方式插秧，补上遗漏或距离太远的秧苗。



苗插入稻田内。路线开动，底下的机器就会自动把秧自动插秧机装满稻饼后，沿著稻田

利用機器或人手翻種

適耕莊秧苗一樣優美

(适耕庄27日讯) 尽管进入翻种与插秧季节的适耕庄稻田，如今没有碧绿或黄金稻海，惟看著长脚白鹭飞过灌满水的田地，与稻农利用机器或人手，插出一排又一排整齐的秧苗，也是别有风味的田园美景！

去年尾迎来大丰收的适耕庄稻田，经过数月的休养生息，稻农也启动翻种程序，首先是翻动2次稻田泥土，让底下的泥土晒太阳之余，也让杂草有空间长出，再用农药清除，避免日后与稻苗争抢养分。

機器操作效率高

清除杂草与翻土后，稻农就开始把水灌入稻田，由于近月降雨量充足，加上输送水源的灰沟完成翻修后，稻农有足够的水源灌入稻田，等到排出多余的水源，让稻田保留仅仅盖过泥土表面的积水后，即可开始插秧。

相较于过去辛苦的以人手插秧，如今适耕庄稻田多以自动插秧机工作，把12片稻饼

(插满13天大小的秧苗)装在机器里，就沿著稻田启动，只见自动插秧机以计算精确的距离，把秧苗插入浅水的稻田。

据稻农的说法，以前每份稻田的插秧工作，需要8个人才能在3天内完成，但如今只需2个人操作自动插秧机，即可在2小时内把整份稻田插满秧苗，速度和效率明显

增加，秧苗之间的距离也非常均匀。

惟自动插秧机的表现，也取决于稻饼的手艺，若稻饼没有插满秧苗，插秧时也会有所遗漏，为此稻农使用自动插秧机后，再用人手方式“补秧”（补上缺失或距离太远的秧苗），也是插秧手艺持续传承的传统。



■开始插秧，成排的秧苗整齐划一，让人赏心悦目。完成翻土程序的适耕庄稻田，灌水后就

适耕庄州议员黄瑞林说，农业部已为各区稻田定下耕种时间表，其中适耕庄稻田已开始翻种和插秧，预计持续至3月第一个星期，得益于水供量充足，本季也较少稻农从河流“取水灌入稻田”，减少了稻田路段崩塌的风险。

“截至目前，适耕庄稻田的翻种程序非常顺利，我们也欢迎各地游客到访，毕竟除了插满嫩绿秧苗的稻田，或已成熟至金

黃瑞林：歡迎遊客到訪

黄色的稻穗，稻田仍有其他漂亮的景色等待大家发掘。”

他举例，翻种和插秧季节时，积满水的稻田也会吸引许多长脚白鹭觅食，有时成群的长脚白鹭飞过稻田，景色同样很优美，或看著成排的娇小秧苗，每隔数天明

显“长高”，也能感受到稻农耕种的乐趣。

“适耕庄稻田不分季节，都是游客到访的最佳时机，任何时候来都有不同的景色供观赏或拍照，游客也能藉著不同的耕种季节，实地了解稻田的耕作模式，我们也希望大家在参观的过程中，不要破坏稻农辛勤劳作的心血。”

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/2/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	12

Petani, penternak, nelayan tunggu menteri kotakan janji

ALOR SETAR 27 Feb. - Para petani, penternak dan nelayan negeri ini berharap agar Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub tidak lupa sebaliknya mengotakan janji mengembalikan semua subsidi kepada golongan itu seperti diumumkan beliau dalam satu majlis di Yan dekat sini, Khamis lalu.

Pengerusi Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Kedah, Datuk Abdul Lateh Mohd. Saman berkata, para petani, penternak dan nelayan kini sedang menunggu janji berkenaan yang dibuat Salahuddin iaitu ketika kini Pakatan Harapan berkuasa sebagai kerajaan.

Beliau mengingatkan bahawa golongan berkenaan di seluruh negara tidak teragak-agak untuk mengadakan demonstrasi sekiranya janji itu gagal dikotakan.

“Kami sedang menunggu janji menteri semasa beliau (Salahuddin) berkunjung ke Kedah minggu lepas iaitu untuk mengembalikan semua

subsidi walaupun kerajaan terpaksa berhutang,” katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Salahuddin untuk mengembalikan semua subsidi berkaitan para petani, penternak dan nelayan meskipun kerajaan terpaksa berhutang dalam satu majlis di Yan dekat sini, baru-baru ini.

Abdul Lateh seterusnya mengingatkan supaya kerajaan menjadikan pengajaran mendapatkan pandangan semua peringkat daripada pemimpin Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas), PPN dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) sebelum membuat sesuatu keputusan dasar berkaitan golongan berkenaan.

Sebelum ini, Salahuddin menangis teresak-esak ketika membacakan sekeping surat luahan hati daripada seorang pesawah di atas pentas dalam Majlis Pelancaran Hala Tuju kementerian itu di Tapak Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), Selangor.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/2/2019	SINAR HARIAN	MAHKAMAH / JENAYAH	10

Pengurus projek didakwa buat tuntutan palsu lebih RM415,000

ALORSETAR - Seorang pengurus projek mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas tuduhan membuat tuntutan palsu berjumlah lebih RM415,000 kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kedah pada 2016.

Abdullah Hassan, 57, didakwa mengemukakan tuntutan palsu itu bagi tender kerja pengalihan utiliti untuk projek menaik taraf sungai Tanjung Pauh dan Anak Bukit, terusan utama dan terusan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) serta kerja-kerja berkaitan rancangan tebatan banjir.

Dia dituduh melakukan kesalahan itu di pejabat JPS Kedah, di bangunan Sultan Abdul Halim, Jalan Sultan Badlishah di sini antara Julai dan September 2016.

Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Syahrul Khuzaini Amiruddin mencadangkan kepada mahkamah agar jaminan



Abdullah (kiri) dibawa ke mahkamah, semalam.

RM50,000 dikenakan terhadap tertuduh.

Peguam mewakili tertuduh, Abdul Rahim Mohamad bagaimanapun memohon jaminan dikurangkan antara RM10,000 hingga RM20,000 kerana Abdullah mempunyai tanggungan yang banyak iaitu empat isteri tidak bekerja dan 10 anak, dengan tujuh daripadanya masih bersekolah.

Hakim Murtazadi Amran menetapkan jaminan RM25,000 dengan seorang penjamin, selain mengarahkan tertuduh menyerahkan pasportnya kepada mahkamah dan memutuskan 1 April ini tarikh sebutan semula kes.

Tertuduh yang berasal dari Permatang Pauh, Pulau Pinang, membayar jaminan tersebut. - Bernama